

## BAB IV

### ANALISIS ASPEK SEMANTIK LARAS BAHASA BERITA DALAM BERITA HARIAN

Metaphors are not just "beautiful language." They also reflect the conceptual system of the language and the cultural belief of the speakers (Asmah, 1996:7).

#### 4.0 Laras Bahasa Berita dan Ragam Bahasa

Huraian mengenai laras dan gaya bahasa secara umumnya sudah dibincangkan dengan cukup panjang di dalam bab-bab sebelumnya. Demikian juga, sudah dibahaskan dengan panjang lebar mengenai berbagai-bagai implikasi yang cukup kompleks berhubung dengan ciri-ciri bahasa laporan berita secara khususnya. Namun demikian, berdasarkan perbincangan yang telah dibuat setakat ini, masih dirasakan terdapat beberapa kekurangan serta ketidakjelasan mengenai konsep sebenar tentang apa yang dimaksudkan dengan laras bahasa dalam tajuk-tajuk berita dalam konteks kajian ini. Hal ini sebenarnya berkaitan dengan persoalan yang berhubung dengan ciri-ciri gramatikal ataupun ciri-ciri semantik?

Pertanyaan sedemikian sememangnya timbul berpunca daripada kekeliruan terhadap hubungan antara laras bahasa dengan wacana atau teks. Dalam hal ini, jika kita kurang memahami secara keseluruhan hubungan di antara wacana-teks-laras tersebut, maka memang mustahillah pula dapat kita ketahui konsep laras bahasa dengan jelas. Demikian juga dalam konteks kajian ini, tentunya perkara ini akan memberi implikasi terhadap objektif sebenar tentang kajian mengenai analisis laras bahasa tajuk berita.

Berhubung dengan perkara tersebut, perlu kita mengingat kembali pentakrifan wacana seperti yang berikut ini;

...dalam hirarki gramatikal wacana merupakan satuan gramatikal tertinggi atau terbesar. Wacana direalisasikan dalam bentuk karangan yang utuh (novel, buku, siri ensiklopedia, dsb.), paragraf, kalimat, atau kata yang membawa amanat yang lengkap (Harimurti Kridalaksana, 1993:231)

Pentakrifan yang diberikan di atas tersebut cukup ringkas. Walau bagaimanapun, takrifan tersebut mengandungi pernyataan yang cukup jelas mengenai hubungan antara wacana dengan teks. Di samping itu, pentakrifan tersebut juga mengandungi implikasi berhubung dengan laras bahasa. Sekiranya kita mengingat kembali fakta bahawa kebanyakan pengkaji laras bahasa menumpukan perhatiannya kepada pembezaan jenis teks, maka pentakrifan tersebut berguna untuk memahami persoalan mengenai hubungan antara wacana-teks-laras yang telah dikemukakan di atas.

Sehubungan itu, perlu diingat kembali kutipan yang telah dikemukakan di dalam bab II yang lalu, iaitu;

Different genres are different ways of using language to achieve different culturally established tasks, and texts of different genres are texts which are achieving different purposes in the culture (Eggins and Martin, 1997:236).

Dakwaan tersebut secara jelasnya memperkatakan bahawa cara penggunaan bahasa berkaitan erat dengan hasil keluaran berbagai-bagai jenis teks yang sesuai dengan genre serta tujuannya. Memang benar bahawa teks merupakan produk, iaitu suatu hasil keluaran. Dalam pengertian ini, teks merupakan suatu yang dapat dirakamkan dan

dipelajari. Dalam perkataan lain, teks merupakan sesuatu proses pemilihan makna yang berterusan. Proses yang dimaksudkan di sini merupakan peristiwa bahasa yang timbal-balik, iaitu suatu pertukaran makna yang berciri sosial.

Jika kita terima pandangan-pandangan tersebut, dapat kita fahami sebab banyak pengkaji laras sering memperkatakan pelbagai masalah yang berkenaan dengan jenis ataupun ciri-ciri teks ataupun berhubung dengan berbagai-bagai masalah dalam penggunaan bahasa.

Untuk mengelakkan kekeliruan tentang laras, Asmah (1995) menghuraikan konsep laras bahasa berdasarkan konsep yang berhubung dengan fungsi teks, yang disebut sebagai ragam bahasa. Beliau dengan tegas menjelaskan;

Laras (atau dalam bahasa Inggerisnya register) adalah konsep yang digunakan untuk merujuk kepada ragam sesuatu bahasa dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Dengan perkataan lain, laras merujuk kepada kata-kata atau ungkapan-ungkapan khusus, serta juga struktur-struktur ayat tertentu yang lebih digemari oleh sesuatu ragam berbanding dengan ragam yang lain (Asmah, 1995:ix).

Dalam hal ini, Asmah (1995) menjelaskan bahawa istilah ragam tersebut berdasarkan konsep yang merujuk kepada apa yang disebut oleh ahli kesusastraan sebagai genre. Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam Bab II dan III, istilah genre mengandungi konsep yang berkait rapat dengan fungsi teks tersebut.

Secara amnya, laras bahasa dapat dirujuk sebagai gaya bahasa, namun bagi ahli linguistik, 'laras' dan 'gaya' ialah dua konsep yang berbeza. Secara khususnya laras berlatarkan bidang penggunaan bahasa, sedangkan gaya pula merujuk kepada cara pengungkapan fikiran, matlamat yang hendak dicapai, suasana yang hendak ditimbulkan, dan

suasana yang menjadi latar penggunaan bahasa berkenaan (Asmah, 1987:2). Tegasnya, konsep laras yang dinyatakan di atas dapat dimaksudkan sebagai ragam. Oleh yang demikian, pada hakikatnya istilah ragam tersebut sebenarnya meliputi konsep genre sebagaimana yang pernah diperkatakan oleh Bakhtin (1986), Martin (1982) dan Halliday & Martin (1993) seperti yang telah diuraikan dalam Bab III. Oleh yang demikian, Asmah (1995:ix-x) lebih lanjut menjelaskan mengenai hubungan antara konsep gaya dan laras seperti berikut;

Konsep gaya adalah lebih abstrak dan menyeluruh daripada laras. Gaya tidak setakat dicirikan oleh ungkapan-ungkapan dan struktur-struktur khusus, tetapi oleh keseluruhan bahasa yang digunakan. Tidak dapat dinafikan bahawa kegemaran akan sesuatu struktur dibandingkan dengan struktur yang lain mempengaruhi gaya yang dilahirkan. Misalnya, sesuatu penulisan yang lebih cenderung menggunakan ayat yang pendek-pendek akan menimbulkan gaya yang "lebih ringan" yang berbeza daripada yang gemar menggunakan ayat yang panjang-panjang, yang "lebih berat".

Oleh sebab itu, untuk menghindari timbulnya kekeliruan berhubung istilah-istilah tersebut, Asmah (1995) telah menggunakan istilah 'bahasa' untuk merujuk kepada laras atau ragam bahasa dalam kajian-kajiannya seperti, Bahasa dalam Surat Rasmi, Bahasa Borang, Bahasa Istana, Bahasa Laporan dan sebagainya. Pandangan tersebut mengingatkan kita tentang pendapat Halliday & Martin (1993:37) yang menjelaskan bahawa '*social context is realized by language; at the level of social context, ideology is realized by genre, which is in turn realized by register*'. Di samping itu, perkara tersebut juga mendukung dakwaan Bakhtin (1986) berhubung pentakrifan 'speech genre' yang menurut beliau merupakan suatu konsep teknikal berkaitan dengan situasi pertuturan yang tetap dan

komposisi peribadi para penutur yang terlibat dalam komunikasi. Bakhtin (1986:60) menggunakan konsep 'speech genre' untuk merujuk kepada berbagai-bagai jenis pertuturan yang bertemistik, berbentuk karangan yang cukup 'stabil' yang ditentukan oleh ciri-ciri terperinci dalam lingkungan komunikasi tertentu. Pandangan Bakhtin tersebut pada hakikatnya berdasarkan pandangan ilmu semiotik sosial yang bergabung dengan linguistik teks.

Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa penggunaan kedua-dua istilah, iaitu laras bahasa dan genre sebenarnya bertujuan untuk mencari cara penghuraian yang lebih matang tentang hakikat ragam bahasa, iaitu ciri-ciri penggunaan bahasa. Cuma, perbezaan yang wujud hanyalah kerana analisis laras bahasa menumpukan perhatiannya kepada ciri-ciri ragam bahasa di dalam bahagian-bahagian teks tertentu, sedangkan kajian genre meliputi keseluruhan teks (Helen Leckie-Tarry, 1995:34). Dalam perkataan lain, dalam konteks penulisan ini, kajian mengenai laras bahasa tajuk berita merupakan salah satu aspek kajian yang meneliti ciri-ciri khas tanda bahasa yang tertulis (*written*) dalam wacana bahasa laporan berita.

#### 4.1. Fungsi Berita dan Tajuk Berita

Surat khabar sebenarnya merupakan suatu hasil daripada penggunaan bahasa untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca. Dengan demikian surat khabar menjadi sejenis teks yang perlu disampaikan dan difahami pembaca. Dengan perkataan lain akhbar merupakan sejenis teks yang perlu difahami pembaca secara mantap. Dalam proses pemahaman tersebut pembaca akhbar berkenaan mahu tidak mahu menggunakan pengetahuan yang sesuai dengan isi kandungan surat khabar tersebut. Melalui proses

inilah sesuatu pengetahuan yang hendak disampaikan oleh penulis laporan berita dapat difahami pembaca surat khabar.

Dalam pengertian ini, surat khabar merupakan sesuatu yang dapat dirakamkan dan dipelajari. Di samping itu, dari sudut padangan semiotik sosial, surat khabar merupakan sesuatu proses pemilihan makna yang berterusan. Proses yang dimaksudkan di sini merupakan peristiwa bahasa yang timbal-balik, iaitu suatu pertukaran makna yang berciri sosial.

Oleh sebab itu penulisan dan pemahaman surat khabar termasuk tajuk berita pada dasarnya bersandarkan 1) pengetahuan, 2) perhubungan 3) teks. Ketiga-tiga unsur tersebut berkaitan langsung dengan fungsi bahasa.

Melalui sudut pandangan semiotik sosial, Halliday (1978) menghuraikan tujuh fungsi bahasa, iaitu fungsi *instrumental*, *regulatory*, *representational*, *interactional*, *personal*, *heuristic*, dan *imaginative*. Tujuh fungsi bahasa tersebut dirumuskan sebagai 'ideational function', 'interpersonal function' dan 'textual function'. Ketiga-tiga fungsi tersebut berkaitan dengan fungsi akhbar.

Fungsi akhbar secara am dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu fungsi pemberitaan, fungsi pembimbingan, fungsi hiburan dan fungsi pengiklanan (Koh Young Keun, 1999:328). Antara keempat-empat fungsi tersebut, fungsi akhbar yang paling utama adalah untuk memaparkan berbagai-bagi maklumat yang berkenaan dengan berbagai-bagi peristiwa dan kejadian kepada para pembaca, iaitu fungsi pemberitaan. Dalam hal ini, secara khususnya laporan-laporan berita merupakan sumber pernyataan fungsi pemberitaan tersebut.

Dalam pada itu, fungsi pembimbingan pula adalah berkaitan dengan fungsi akhbar untuk menunjukkan jalan kepada para pembaca bagi memahami sesuatu konsep dan mengamalkan perbuatan yang dimaksudkan. Konteks maklumat tersebut berpotensi untuk berfungsi

inilah sesuatu pengetahuan yang hendak disampaikan oleh penulis laporan berita dapat difahami pembaca surat khabar.

Dalam pengertian ini, surat khabar merupakan sesuatu yang dapat dirakamkan dan dipelajari. Di samping itu, dari sudut padangan semiotik sosial, surat khabar merupakan sesuatu proses pemilihan makna yang berterusan. Proses yang dimaksudkan di sini merupakan peristiwa bahasa yang timbal-balik, iaitu suatu pertukaran makna yang berciri sosial.

Oleh sebab itu penulisan dan pemahaman surat khabar termasuk tajuk berita pada dasarnya bersandarkan 1) pengetahuan, 2) perhubungan 3) teks. Ketiga-tiga unsur tersebut berkaitan langsung dengan fungsi bahasa.

Melalui sudut pandangan semiotik sosial, Halliday (1978) menghuraikan tujuh fungsi bahasa, iaitu fungsi *instrumental*, *regulatory*, *representational interactional*, *personal*, *heuristic*, dan *imaginative*. Tujuh fungsi bahasa tersebut dirumuskan sebagai 'ideational function', 'interpersonal function' dan 'textual function'. Ketiga-tiga fungsi tersebut berkaitan dengan fungsi akhbar.

Fungsi akhbar secara am dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu fungsi pemberitaan, fungsi pembimbingan, fungsi hiburan dan fungsi pengiklanan (Koh Young Keun, 1999:328). Antara keempat-empat fungsi tersebut, fungsi akhbar yang paling utama adalah untuk memaparkan berbagai-bagi maklumat yang berkenaan dengan berbagai-bagi peristiwa dan kejadian kepada para pembaca, iaitu fungsi pemberitaan. Dalam hal ini, secara khususnya laporan-laporan berita merupakan sumber pernyataan fungsi pemberitaan tersebut.

Dalam pada itu, fungsi pembimbingan pula adalah berkaitan dengan fungsi akhbar untuk menunjukkan jalan kepada para pembaca bagi memahami sesuatu konsep dan mengamalkan perbuatan yang dimaksudkan. Konteks maklumat tersebut berpotensi untuk berfungsi

bagi para pembaca untuk membina sesuatu dunia konsep dan persepsi tertentu tentang berbagai-bagai maklumat daripada sesuatu peristiwa atau permasalahan yang berkenaan. Fungsi tersebut biasanya dinyatakan dengan ketara dalam ruangan rencana, tinjauan laporan berita, tinjauan pers, kolumnis pembaca, dan sebagainya.

Jika sesuatu maklumat sekadar dijadikan sumber hiburan bagi para pembaca, maka teks tersebut berfungsi sebagai sumber hiburan dan termasuk dalam kategori fungsi hiburan. Misalnya, rencana atau berita tentang bintang filem, berita sukan, dan kartun merupakan teks yang berfungsi sebagai penghibur kepada para pembaca.

Fungsi terakhir, iaitu fungsi pengiklanan merupakan fungsi yang paling istimewa, iaitu bersifat membujuk atau *menjual*. Fungsi tersebut dapat dinyatakan melalui teks laporan ekonomi dan iklan. Secara khususnya, berbagai-bagai jenis iklan yang disiarkan melalui surat khabar merupakan sumber utama yang menunjukkan fungsi pengiklanan akhbar dengan jelas sekali. Pengiklan berniat untuk menarik perhatian para pembaca semaksimum mungkin agar maksud pengiklanan, iaitu niat penjualan tetap berjaya disampaikan melalui teks akhbar berkenaan.

Dengan meneliti dan memahami keempat-empat fungsi yang dinyatakan di atas, maka dapatlah kita perhatikan pula kedudukan tajuk-tajuk berita di dalam BH secara khususnya. Pertama, tajuk berita dalam BH berfungsi sebagai penanda identitinya sendiri. Dalam hal ini, maksud pemberitaan akan dapat ditelusuri melalui tajuk-tajuk berita berkenaan. Di samping itu, ciri identiti surat khabar BH juga dapat diperlihatkan melalui kepelbagaiannya cara atau teknik dalam penciptaan dan penulisan tajuk berita itu sendiri. Kedua, tajuk berita tersebut juga merupakan suatu ringkasan yang pantas dan berkesan daripada tubuh berita berkenaan. Pembaca surat khabar lazimnya akan dapat menduga atau memahami secara umum mengenai peristiwa atau maksud yang

mungkin terkandung di dalam tubuh berita melalui tajuk berita. Dalam hal ini, fungsi tajuk berita sering berkaitan dengan fungsi pengiklanan. Dalam konteks itu, tajuk-tajuk berita seharusnya bersifat menjual. Oleh yang demikian, tajuk-tajuk berita dalam BH yang tidak terkecuali daripada mendukung pelbagai fungsi yang dinyatakan di atas sebenarnya mampu berfungsi sebagai pendorong kepada para pembaca untuk membaca sesuatu laporan. Hal tersebut sangat berkait rapat dengan keupayaan penerbit surat khabar di dalam mempelbagaikan gaya serta teknik penciptaan atau penulisan tajuk-tajuk berita yang mempunyai daya penarik bagi tujuan pemasaran.

Di samping itu, sesebuah tajuk berita juga dapat menunjukkan bahawa sesuatu berita yang hendak dilaporkan adalah penting. Melalui tajuk berita sedemikian akan dapat menyarankan bahawa berita tersebut barangkali mengenai sesuatu yang menarik. Untuk itu, sesebuah tajuk berita bertujuan untuk merangsang deria perasaan artistik pembaca. Dengan demikian, beraneka ragam daya tarikan grafik bagi tajuk berita mesti dirancang melalui berbagai-bagai reka bentuk yang menarik dan berkesan. Apabila tajuk-tajuk berita telah dirancang dan direka bentuk dengan teliti kemudian ditulis dengan teknik yang berkesan serta disusun dengan gaya yang tersendiri, maka halaman-halaman surat khabar akan menjadi kemas dan menarik perhatian. Dengan perkataan lain, ciri identiti BH, untuk sebahagiannya, dapat ditentukan oleh reka bentuk yang tersendiri ataupun ciri-ciri yang istimewa tentang bahasa tajuk berita. Seperti yang telah dibahas dalam Bab II, teks dapat diibaratkan sebagai peta dan sebagaimana pendapat John Hartley (1995:11), peta dapat dianggap sebagai suatu teks visual, sama seperti tajuk-tajuk berita yang terdapat di dalam surat khabar. Melalui sesebuah tajuk berita, kita akan dapat memahami kejadian atau peristiwa di dunia persekitaran. Dalam usaha kita mengenal pasti makna yang terkandung pada tajuk berita, kita

perlu terlebih dahulu memahami ciri-ciri bahasa tajuk berita berkenaan. Ciri-ciri bahasa tajuk berita yang dimaksudkan termasuklah kod-kod distintif dan juga lambang-lambang atau simbol-simbol yang terdapat di dalamnya. Seterusnya, kita harus memahami wacana teks laporan berkenaan bagi melengkapkan pemahaman tentang keseluruhan berita.

Bahasa tajuk berita dalam surat khabar mencerminkan tanggapan tentang pengertian yang kita alami dalam dunia kehidupan di sekeliling kita. Jelasnya, tajuk berita merupakan suatu gambaran abstrak tentang realiti dan menterjemahkannya ke dalam sistem lambang-lambang atau kod-kod yang tersendiri. Sesuatu tajuk berita mengandungi maksud atau tujuan yang tersendiri bergantung kepada kelaziman dalam kegunaan atau kepentingan tertentu.

Definisi tentang tajuk berita dalam surat khabar sebenarnya menjangkau lebih jauh daripada tanggapan tradisi mengenai teks. Teks bukannya sekadar kata-kata yang tercetak dengan dakwat di atas sekeping kertas melainkan teks cenderung digunakan bagi merujuk hasil manifestasi daripada aktiviti komunikasi. Secara garis besar, dapat dikatakan bahawa teks merupakan sesuatu kesatuan kod budaya yang telah diungkapkan dan dapat diterjemahkan melalui bahasa (Koh Young Keun, 1999:109–113). Pandangan ini mengandungi implikasi bahawa kod dan bahasa bukan merupakan konsep yang sama. Pengguna bahasa (penghantar kod dan penerima mesej) yang sama boleh memiliki kesatuan kod yang saling berbeza. Oleh itu, teks lazimnya dibahaskan dari tiga sudut pandangan, iaitu proses pengekodan, penghantar kod dan penerima kod (Lotman et al. 1975:132). Dengan demikian, ketiga-tiga fungsi teks yang dijelaskan Lotman (1990:13–9) di atas dapat difahami dalam konteks berikut:

Fungsi teks yang paling utama adalah untuk menyampaikan berbagai-bagai mesej yang baru melalui kod yang berlainan. Fungsi

tersebut dapat digelar sebagai fungsi kreatif. Hal ini dapat diperjelas melalui berbagai-bagai masalah yang bersangkut dengan penterjemahan. Masalah *untranslatability* dan *translatability* dalam pembahasan penterjemahan tetap mendukung fungsi kreatif teks tersebut.

Kedua, teks memiliki fungsi untuk menemukan kod-kod yang sama di kalangan pengguna-pengguna bahasa. Perbezaan kemampuan pemahaman di antara pengguna bahasa menyebabkan mereka terpaksa memerlukan sesuatu *metabahasa*. Dalam hal ini, kewujudan kod bersama bagi pengguna bahasa tersebut sangat mustahak dalam hal membina saluran berkomunikasi yang efektif.

Ketiga, teks bukan hanya merupakan pencipta makna yang baru melainkan juga pendukung memori kebudayaan. Dengan perkataan lain, teks menunjukkan keunggulan dalam mengingat kesinambungan konteks sebelum dan sesudahnya. Berkat wujud keunggulan fungsi tersebut teks dapat menunjukkan ciri-ciri dinamik sebagai pencipta makna. Berhubung dengan hal yang berkaitan dengan makna tersebut maka perlu diingat tentang suatu istilah yang pernah digunakan Wittgenstein (1977:32), iaitu Die Praxis. Menurut beliau, Die Praxis merupakan punca utama dalam pemberian makna kepada perkataan. Beliau menyatakan bahawa *practice* (*praxis*) *gives words their meaning* (David Birch, 1993:45). Dalam hal ini, Die Praxis pada hakikatnya bererti penggunaan bahasa.

Oleh yang demikian, apabila kita mengaitkan pandangan-pandangan tersebut dengan kajian tentang tajuk-tajuk berita, maka kita dapat bahawa tajuk-tajuk berita di dalam BH merupakan hasil daripada proses penggunaan bahasa. Dengan demikian, dapatlah kita fahami bahawa analisis terhadap bahasa tajuk berita dalam BH merupakan suatu usaha untuk mencari makna yang tersembunyi atau tersirat di sebalik penggunaan bahasa.

#### 4.2. Kebenaran Laras Bahasa

Keistimewaan bahasa tajuk berita lazimnya dibahas dari segi kedudukan fungsi yang istimewa dan khusus seperti yang telah dihuraikan di atas. Menurut Asmah (1995:71), ciri-ciri tersebut merupakan hasil daripada pengolahan teknik kebahasaan yang khusus. Teknik ini tidak hanya dilihat dari segi nahu, tetapi juga dari segi retorik.

Dakwaan tersebut cukup beralasan jika kita sudah memahami penjelasan tentang proses perancangan tajuk berita yang telah dibahas dalam Bab III. Melalui huraian tersebut, dapat kita ketahui pula bahawa bahasa tajuk berita cenderung memperlihatkan ciri-ciri yang khas. Dalam hal ini, apa yang dimaksudkan sebagai ciri-ciri khas tersebut sebenarnya merupakan ciri-ciri nahu bahasa tajuk berita seperti yang diungkapkan Asmah (1995) di atas. Kerangka nahu tajuk berita Asmah tersebut akan diterapkan di dalam huraian tentang nahu tajuk-tajuk berita dalam BH di dalam perenggan-perenggan selanjutnya. Dengan demikian, huraian tersebut akan dapat memperlihatkan sejauh manakah wujudnya keistimewaan nahu tajuk berita dalam BH. Perkara tersebut akan dihuraikan dan diperjelas lagi secara terperinci selanjutnya dalam Bab V. Penjelasan tersebut akan merupakan suatu hasil kajian secara statistik yang memperlihatkan ciri-ciri khas nahu tajuk berita dalam BH.

Dalam pada itu, kewujudan unsur-unsur retorik dalam perancangan tajuk berita merupakan hal yang sangat mustahak dalam penerbitan surat khabar. Hal tersebut menjadi penting apabila dikaitkan secara langsung dengan unsur-unsur retorik itu sendiri.

Retorik pada hakikatnya merupakan suatu seni berbahasa. Seni pemakaian retorik dalam penulisan laporan berita bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih berkesan. Dalam penulisan

laporan berita, retorik adalah sarana penulisan yang sangat berkesan. Menurut Lotman (1990:36-53), retorik merupakan salah satu kaedah yang penting dalam hal penurunan makna sesuatu teks. Retorik sebenarnya bukanlah menyatakan sesuatu secara langsung, sebaliknya mengungkapkan sesuatu dengan kiasan.

Penggunaan kiasan sebenarnya dapat melahirkan ungkapan yang tidak lazim atau berupa penyimpangan daripada kebiasaan. Perkara ini telah disentuh sebelum ini di dalam Bab III. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa salah satu cabang kiasan, metafora pada dasarnya melahirkan perselisihan antara makna asal dengan makna kiasan. Perselisihan makna tersebut memungkinkan timbulnya ketegangan. Oleh itu, kesan yang paling utama wujud daripada penggunaan unsur kiasan berkenaan sebenarnya adalah disebabkan oleh unsur yang kandung di sebalik ketegangan tersebut. Dalam hal ini, faktor perselisihan tersebut akan mewujudkan tanggapan ataupun makna yang baru dan hal tersebut pula sangat mudah dipengaruhi oleh ideologi dan sistem nilai dalam masyarakat. Dengan perkataan lain, penggunaan retorik dalam merancang tajuk-tajuk berita mengandungi implikasi bahawa mana-mana surat khabar tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh ideologi masyarakat berkenaan.

Kita juga sedia maklum bahawa setiap negara masing-masing mempunyai dasar-dasar tersendiri berhubung dengan penerbitan surat khabar. Demikian juga, berhubung konsep kebebasan dalam penerbitan surat khabar. Selain strategi dan kebijaksanaan pihak pengurusan, sesebuah surat khabar tersebut juga cenderung bergantung kepada dasar-dasar tertentu serta kebijaksanaan pemerintah sesebuah negara. Oleh itu, sebagai contoh, konsep kebebasan akhbar sebagaimana yang sering menjadi kebanggaan di negara-negara maju seperti di Amerika

Syarikat dan di Eropah kadang kala terikat dengan berbagai-bagai dasar yang ditetapkan oleh pemerintah.

Berhubung dengan hal tersebut, kita dapat perhatikan dakwaan berikut ini;

Critical linguistics can show that the vaunted independence of the Press is an illusion. I am not claiming that this is a new discovery: anyone who thinks about the economic position of the newspaper industry under capitalism (its dependence on consumer advertising by powerful commercial concerns), or its political intimacy with government (Press releases, the Press Lobby, access to spokespersons), will rapidly come to the conclusion that a major newspaper cannot survive unless it toes the line, reproducing established ideas or at least 'responsibly' entering debate in the areas of established ideas. (Roger Fowler, 1991:231)

Kita mengakui hakikat bahawa kritikan yang sering timbul berhubung dengan kesahihan atau kebenaran bagi sesuatu berita bukannya merupakan hal yang baru. Tidak dapat dinafikan juga bahawa semua berita yang disampaikan mesti tepat dan benar. Sesuatu berita mestilah berdasarkan sumber berita yang meyakinkan. Dengan demikian pembaca surat khabar tidak boleh dikelirukan atau dibohongi dengan berita yang tidak benar. Hal ini merupakan *common sense* dalam dunia pemberitaan. Di samping itu, dakwaan Roger Fowler (1991) tersebut juga memberi gambaran jelas bahawa terdapat ketidakseimbangan dalam pengaliran berita antara negara-negara Dunia Pertama dan Dunia Ketiga.

Kebanyakan negara di Dunia Ketiga tidak memiliki jaringan agensi berita media yang cukup luas dan kuat seperti AP, AFP, Reuter dan Tass. Oleh sebab itu, berita-berita di negara-negara maju sering menjadi sumber utama dalam proses pemberitaan di negara-negara Dunia Ketiga.

Dengan demikian, sikap pemberitaan atau kerangka penilaian Dunia Pertama sering kali memberikan kesan yang sangat mustahak dalam pemberitaan di negara-negara Dunia Ketiga. Dalam keadaan begini, tidak mustahil kiranya berita-berita dari Dunia Pertama berperanan mempengaruhi serta menciptakan bahasa hegemoni dalam dunia pemberitaan di dalam negara-negara Selatan. Perkara berhubung dengan laras hegemoni dan perancangan reka bentuk halaman akhbar telah disentuh sebelum ini dalam Bab III.

Kesahihan pemberitaan tersebut pada dasarnya berkait rapat dengan dominasi serta kekuasaan negara-negara maju yang berupaya meluaskan ideologi mereka. Mereka sering mengemaskan masalah kebebasan akhbar di negara Selatan berdasarkan agenda dan penilaian mereka sendiri. Dalam kritikan tersebut, mereka tidak pernah mengakui bahawa pandangan atau penilaian mereka itu sebenarnya berdasarkan ideologi mereka sendiri. Mereka tidak pernah mengakui bahawa kebebasan media sebenarnya merupakan sebuah khayalan. Dalam pada itu, kecaman tersebut sering ditafsirkan oleh pihak Dunia Ketiga sebagai tekanan budaya yang melampaui sempadan. Berita-berita tentang Dunia Ketiga yang banyak disiarkan di media-media Dunia Pertama sering ditafsirkan oleh pihak Dunia Ketiga sebagai yang bercorak negatif.

Berhubung perkara tersebut, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir pernah menyatakan pandangan beliau tentang sikap media antarabangsa yang berupaya menggunakan pengaruh dan kuasa mereka melalui kaedah pemberitaan. Dalam sebuah laporan yang disiarkan di dalam Utusan Malaysia Online (22 September, 2000), beliau mengakui bahawa agak sukar bagi media untuk membuat laporan seimbang, tetapi beliau berharap sekurang-kurangnya mereka bertanggungjawab terhadap kebijakan masyarakat, negara dan hubungan antarabangsa. Akan tetapi memandangkan media Barat yang begitu berpengaruh, beliau berpendapat

media tidak harus mempunyai agenda tersendiri kerana dengan demikian laporan akan menjadi berat sebelah dan hilang kebenaran. Lebih lanjut beliau memberi amaran bahawa sekiranya penduduk negara-negara Selatan terus mencurigai berita yang disiarkan oleh agensi berita di rantau sebelah selatan dan asyik merujuk agensi media asing, mudahlah mereka dimanipulasi dengan berita yang tidak betul dan diputarbelitkan.

Tidak dinafikan bahawa bukan semua berita yang mengalir dari Dunia Pertama ke Dunia Ketiga sering menimbulkan kesan yang positif. Ada juga berita-berita yang membawa kesan yang sangat negatif sebagaimana yang dinyatakan di atas. Dalam konteks ini, ternyata fenomena tersebut merupakan sesuatu persengketaan ideologi yang melibatkan bukan hanya dunia kewartawanan melainkan juga para pembaca. Kewujudan persengketaan tersebut sering membuatkan para pembaca menghadapi kesulitan atau kekeliruan dalam membuat penilaian dan menentukan kesahihan sesuatu berita berkenaan.

Para pembaca surat khabar pula berhak dan bertanggungjawab dalam hal membuat penilaian serta memastikan kesahihan berita. Oleh itu, para pembaca surat khabar sangat perlu memahami serta mengetahui kaedah atau pendekatan yang paling berkesan untuk mengetahui makna sebenar daripada laporan berita, khususnya melalui tajuk berita. Oleh yang demikian, analisis terhadap laras bahasa surat khabar, terutama untuk tujuan di atas amatlah mustahak. Melalui analisis ini, bukan sahaja makna sebenar yang terdapat dalam tajuk berita akan dapat ditelusuri, tetapi juga penting untuk mengetahui bagaimana makna tersebut berkesan dalam membina keyakinan dan kepercayaan para pembaca.

#### 4.2.1. Bentuk Ajuk dan Pindah

Asmah (1995:4) dalam kajiannya pernah membezakan antara kaedah laporan langsung dan kaedah laporan rujukan. Kaedah pertama merupakan

teknik penulisan laporan berdasarkan penyaksian langsung pemberita yang berkenaan. Manakala kaedah kedua pula adalah teknik penulisan yang berasaskan kepada rujukan daripada sumber-sumber lain. Dalam hal ini, rujukan tersebut mestilah merupakan sesuatu yang nyata dan meyakinkan. Berhubung dengan kaedah yang kedua, teknik pernulisan tersebut dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kaedah cakap pindah dan kaedah cakap ajuk. Bagi menjelaskan konsep yang dinyatakan di atas, perhatikan contoh teks laporan berita di bawah ini;

Teks 24

**Askar Seoul, Pyongyang  
bertempur**

(BH : Dunia, Khamis, 17 Julai 97)

- S1. SEOUL, Rabu - Korea Utara melancarkan serangan artileri atas sebuah pusat kawalan sempadan tentera Korea Selatan dalam kejadian berbalas tembakan hari ini, kata pegawai tentera Seoul, yang menyifatkan kejadian itu sebagai 'perbuatan mencabar yang berat'.
- S2. Dalam siaran radio Pyongyang pula, Korea Utara menuduh Korea Selatan 'melakukan tindakan ketenteraan yang mencabar reaksi balas'.
- S3. Menurutnya, beberapa askar Korea Utara cedera dalam kejadian itu, tanpa memberikan jumlah sebenar.
- S4. Yeo Soo-dong, ketua jurucakap Ketua Staf Bersama Korea Selatan, memberitahu wartawan bahawa tentera Korea Utara melancarkan 10 serangan artileri hampir menggugat pusat kawalan di sebelah selatan Zon Bebas Tentera (DMZ).
- S5. Tiada askar Korea Selatan dilaporkan cedera atau terbunuh dalam bedilan yang menyusuli kejadian tembak menembak menggunakan raifel.
- S6. Kejadian hari ini dianggap antara konflik sempadan paling berat dalam tempoh beberapa tahun lalu.

S7. Tentera Korea Selatan mendakwa melihat sebuah ambulans menuju ke pusat kawalan tentera Korea Utara sejurus selepas kejadian tembak menembak itu, kata Yeo.

S8. "Ia adalah perbuatan mencabar yang berat oleh tentera Korea Utara. Langkah itu kelihatan seperti disengajakan," kata pegawai Kementerian Pertahanan, yang enggan namanya disiar.

S9. Kejadian itu berlaku hanya tiga minggu sebelum dua negara Korea itu serta Amerika Syarikat dan China dijangka mengadakan perbincangan bagi mewujudkan rundingan ke arah menandatangani perjanjian damai bagi menggantikan perjanjian yang menamatkan Perang Korea 1950-53.

S10. Pegawai kanan keempat-empat negara terbabit dijangka bertemu di New York pada 5 Ogos ini bagi menetapkan agenda dan butiran prosedur lain bagi rundingan damai itu.

S11. Yeo berkata, kejadian itu bermula jam 10.57 pagi (jam 9.57 pagi waktu Malaysia) apabila sekumpulan askar Korea Utara melintasi Garisan Pemisah Tentera (MDL) di tengah DMZ, yang memisahkan Semenanjung Korea itu.

S12. Selepas memberi beberapa amaran, tentera Korea Selatan melepaskan tembakan amaran ke udara.

S13. Tentera Korea Utara membala dengan menghalakan 70-80 pusingan tembakan raifel ke arah dua pusat kawalan tentera Korea Selatan, yang bertindak balas dengan melepaskan tembakan. - Reuter

Berdasarkan teks di atas, kaedah penyampaian berita dalam bentuk cakap pindah dapat diperhatikan melalui ungkapan-ungkapan yang dikaitkan dengan sumber kutipan sumber berita berkenaan. Misalnya;

S1. *kata* pegawai tentera

S2. *dalam siaran radio*

S3. *menurutnya,*

S4. ketua jurucakap ... *memberitahu*

S7. Tentera ... *mendakwa*

S8. *kata* pegawai...

S11. *berkata,*

Dalam pada itu, bentuk cakap ajuk pula dapat diperhatikan melalui ungkapan yang menggunakan tanda kutip di dalam laporan tersebut, misalnya dalam S8.

S8. *"Ia adalah perbuatan mencabar yang berat oleh tentera tentera Korea Utara Langkah itu kelihatan seperti disengajakan,"*

Dalam hal ini perlu diperhatikan pandangan Asmah (1995:47-8) yang menjelaskan tentang salah satu sebab dalam hal pemakaian teknik tersebut. Menurut beliau, penggunaan kaedah cakap ajuk dalam penulisan laporan berita adalah bertujuan untuk mengelakkan terkeluar daripada kebenaran. Dalam perkataan lain, kaedah rujukan langsung tersebut haruslah berdasarkan sumber yang nyata untuk memastikan penulisan laporan berita dapat dibuat dengan tepat dan benar.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pandangan Asmah (1995) tersebut adalah benar dan cukup beralasan. Pada prinsipnya, para wartawan menggunakan kutipan berita berdasarkan sumber rujukan yang sejelas mungkin untuk meletakkan dirinya sebagai pemberita yang adil dan benar. Melalui penggunaan kaedah tersebut, pemberita akan seboleh mungkin bersikap berkecuali dan dianggap tidak berpihak. Walaupun pemberita tersebut menyaksikan dengan mata kepala sendiri sesuatu peristiwa yang berlaku, namun dia tidak pernah muncul sebagai peserta orang pertama dalam wacana teks laporan berita yang berkenaan. Lebih-lebih lagi pemberita tidak pernah dinyatakan sebagai subjek dalam teks tersebut. Selain itu, pemberita juga mengelak daripada membuat catatan yang bersifat pandangan peribadi. Umpamanya, pemberita tidak mungkin membuat ungkapan-ungkapan seperti berikut, 'saya menyaksikan...', 'pemberita mendengar...', 'apa yang pemberita ketahui...', atau 'menurut pendapat saya...'. Dengan perkataan lain, kaedah laporan

langsung yang ditunjukkan Asmah (1995) sebenarnya merupakan hasil penulisan yang dinyatakan secara tidak langsung. Dengan demikian, kejadian yang berkenaan seolah-olah dijadikan sebagai sesuatu yang realistik. Hal ini sangat mustahak dalam pembahasan analisis teks laporan berita.

Seterusnya, dari sudut pandangan yang lain pula kita harus meneliti persoalan sebab pemberita cenderung bersandarkan kepada sumber kutipan berita sebagai rujukan laporan. Untuk huraian selanjutnya, teks laporan dari S1 sampai S13 di atas perlu diteliti kembali. Sebagaimana diperkatakan dalam laporan berita S1 dan S2 tersebut, punca timbulnya pertempuran bersenjata tersebut telah dipertikaikan antara kedua pihak, iaitu Seoul dan Pyongyang. Kendatipun dikemukakan berbagai-bagai sumber berita sebagai rujukan laporan seperti contoh-contoh yang dinyatakan dalam bentuk cakap ajuk di atas, namun dengan berdasarkan teks berita tersebut masih belum jelas tentang punca yang sebenarnya. Ketidakjelasan punca kejadian tersebut lebih ketara lagi jika diperhatikan tajuk beritanya yang bersifat umum iaitu *Askar Seoul, Pyongyang bertempur*. Tajuk berita tersebut tidak ditulis seperti secara khusus misalnya seperti berikut, "*Askar Pyongyang melanggar gencatan senjata*" atau "*Askar Seoul menembak ke arah pos kawalan Korea Utara*", dan sebagainya. melalui tajuk berita tersebut, pemberita tidak cenderung untuk memberi tanggapannya sendiri yang mungkin berpihak dalam hal mengatakan punca terjadinya pertempuran itu. Dengan mengatakan '*Askar Seoul, Pyongyang bertempur*', bermakna pemberita tidak menyatakan secara langsung siapa atau pihak mana yang sebenarnya memulakan pertempuran tersebut.

Pemberita didapati berupaya membuat kesimpulan umum tentang kejadian tersebut. Untuk tujuan itu, ternyata pemberita cuba menggunakan sumber rujukan semaksimum mungkin seperti di atas.

Secara tidak langsung, tajuk berita sedemikian memperlihatkan bahawa pemberita tidak terlibat dalam kejadian tersebut. Justeru, pemberita berusaha mewujudkan jarak yang sejauh mungkin sama ada daripada sumber petikan berita atau pelakunya mahupun dengan kejadian itu sendiri. Misalnya, sebagaimana yang dinyatakan di dalam S1, pelaku perbuatan bertempur ialah Korea Selatan dan Korea Utara. Lebih lanjut, pemberita berupaya memperbandingkan reaksi pihak Seoul dengan pihak Pyongyang. Dalam S2 dan S3, reaksi rasmi Korea Utara diungkapkan dengan merujuk siaran Radio Pyongyang. Hal ini sangat penting pula dalam pembahasan selanjutnya di sini.

Sementara itu, perlu diperhatikan pula S9 dan S10 yang memberitakan jadual perbincangan antara kedua-dua pihak. Perhatikan inti sari di bawah ini dan bandingkan dengan teks asal S9 dan S10 di atas;

- S9-1. Bentrokan bersenjata itu berlaku tiga minggu sebelum diadakannya perbincangan antara kedua-dua Korea
- S10-1. Perbincangan tersebut dijadualkan pada 5 Ogos mendatang.

Melalui perbandingan, timbul ketaksaan tentang sumber rujukan manakah yang memberitahu hal tentang jadual perbincangan kedua-dua Korea. Apakah pihak itu Seoul atau Pyongyang? Yang jelas dinyatakan dalam S9 dan S10 tersebut ialah informasi tentang jadual perbincangan. Pengalaman pemberita sama sekali tidak dinyatakan dalam kedua-dua perenggan tersebut.

Walau bagaimanapun, ada kemungkinan juga bahawa kebanyakan pembaca akan menerima jadual perundingan itu sebagai fakta yang sebenar. Penghilangan sumber rujukan dan ketidakwujudan tanda pengalaman pemberita malah dapat membuat konteks S9 dan S10 tersebut sebagai informasi yang lebih meyakinkan.

Hal yang serupa dapat berlaku dalam perenggan-perenggan yang lain, seperti S12 dan S13. Tanpa adanya sumber rujukan yang nyata, S12 dan S13 dapat ditafsirkan sebagai berita yang menggambarkan peristiwa pertempuran dengan jelas. Mengapa hal demikian berlaku? Sudah tentu kerana wujudnya teknik perbandingan dalam penyusunan isi kandungan laporan berita tersebut. Daripada isi kandungan laporan berita tersebut dapat disimpulkan bahawa kedua-dua buah negara Korea tersebut saling bertempur meskipun terdapat usaha-usaha mewujudkan perdamaian di pihak lain. Dengan perkataan lain, isi kandungan tersebut barangkali dapat dirumuskan dalam konteks ungkapan metafora berikut;

Perdamaian ialah peperangan.

Tembak-menembak merupakan peperangan.

Perbincangan damai merupakan perdamaian.

Perbandingan kedua-dua makna polar, iaitu perdamaian dan peperangan tersebut menambah kesan pemberitaan secara keseluruhan. Kesan terhadap pembaca ialah mereka membuat tanggapan bahawa pertempuran boleh juga berlaku dalam suasana yang pada masa yang sama terdapatnya perbincangan untuk menandatangani perjanjian damai di Semenanjung Korea. Dengan demikian, laporan berita tersebut dapat dianggap sebagai suatu teks yang benar-benar menyampaikan maklumat tentang peristiwa kejadian bertempur di Semenanjung Korea. Untuk huraian selanjutnya, perlu diingat kembali mengenai konsep kiasan atau kaedah retorik sebagaimana yang telah disentuh dalam 4.2 di atas.

#### 4.2.2. Retorik dalam Laras Bahasa Berita

Sebagaimana telah dihuraikan di atas, retorik merupakan salah satu kaedah yang penting untuk menurunkan makna (Lotman, 1990:36-7).

Secara tradisional, retorik bermaksud penggunaan bahasa yang efektif untuk membujuk, menghibur atau sebagainya. Retorik bukannya teknik untuk menyatakan sesuatu secara langsung tetapi untuk mengungkapkan sesuatu secara kiasan atau perbandingan. Berhubung dengan hal tersebut, perlu diperhatikan contoh tajuk berita di bawah ini;

Askar Seoul, Pyongyang bertempur.

Dalam tajuk berita tersebut, perkataan Seoul dan Pyongyang bukan secara khusus merujuk kepada makna ibu kota negara masing-masing sebaliknya kedua-duanya mendukung maksud dua buah negara, iaitu Korea Selatan dan Korea Utara. Lebih-lebih lagi jika diteliti teks laporan berkenaan dengan lebih terperinci, maka kita dapat bahawa Seoul dan Pyongyang tersebut sebenarnya merujuk kepada lokasi pos kawalan tempat kejadian pertempuran di bahagian sempadan di setiap negara. Hal tersebut mungkin dapat dirumuskan seperti di dalam huraian berikut:

- 1) Seoul = ibu kota Korea Selatan  
Pyongyang = ibu kota Korea Utara
- 2) Seóul = negara Korea Selatan  
Pyongyang = negara Korea Utara
- 3) Seoul = pos-pos kawalan Korea Selatan  
Pyongyang = pos-pos kawalan Korea Utara

Berdasarkan rumusan tersebut, dapat difahami bahawa maksud perkataan Seoul dan Pyongyang dapat ditafsirkan dari berbagai-bagai sudut pandangan sebagaimana yang dinyatakan di dalam (1), (2) dan (3) di atas, iaitu dari konsep yang bersifat umum kepada konsep yang lebih

khusus. Dengan demikian, dapatlah kita ketahui bahawa makna perkataan pada hakikatnya bukan sesuatu yang terikat kepada bentuk perkataan itu sendiri. Demikian pula, makna perkataan bukan sesuatu yang jati atau tetap dan tidak berubah. Berhubung dengan hal tersebut, David Birch menjelaskan;

But where meanings are triggered by language those meanings are not intrinsic in the system and structure of language; they are made by people, and more importantly by institutions; in social situations which are always changing (David Birch, 1991:46).

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat diketahui bahawa makna perkataan Seoul dan Pyongyang dapat difahami dalam konteks makna yang lain seperti yang dinyatakan dalam contoh (2) dan (3) tadi. Perubahan makna bagi kedua-dua ibu kota Korea iaitu Seoul dan Pyongyang tersebut dipengaruhi oleh ciri penggunaan bahasa dalam teknik pemberitaan tersebut. Dalam tajuk berita, makna Seoul dan Pyongyang tidak bermaksud makna asalnya, iaitu merujuk kepada ibu kota masing-masing. Akan tetapi, Seoul di situ sebenarnya bermakna Korea Selatan manakala Pyongyang pula bermakna Korea Utara. Unsur permainan makna (metafora dan metonimi) sedemikian merupakan kaedah yang paling penting dalam perancangan tajuk berita.

Walau bagaimanapun, penggunaan teknik kiasan bukan hanya terhad kepada permainan makna sahaja tetapi penggunaan bahasa sedemikian dapat juga dilaksanakan dengan berbagai-bagai cara yang lain, seperti permainan bunyi, misalnya penggunaan onomatopia dan penggunaan perlambangan, seperti ironi dan paradoks. Dalam hal ini, kita akan dapati bahawa wujud persamaan antara ciri-ciri bahasa tajuk berita dan bahasa puisi.

Sehubungan itu, perlu diperhatikan kajian Asmah (1998) yang berupaya menjelaskan cara pemikiran pengguna bahasa Melayu tentang konsep perselisihan, perang dan perdamaian. Untuk itu, beliau berjaya meneliti dengan saksama mengenai berbagai-bagai fungsi metafora dalam penggunaan bahasa Melayu berhubung dengan konsep-konsep tersebut.

Melalui kajian tersebut, Asmah (1998:116) menyimpulkan bahawa secara tradisional, komuniti bahasa dan budaya Melayu cenderung membuat tanggapan terhadap sesuatu secara tidak langsung. Hal ini lazimnya dinyatakan melalui penggunaan metafora, misalnya dalam menggambarkan ungkapan-ungkapan berhubung perselisihan, perang dan perdamaian, baik dalam bahasa sastera maupun dalam bahasa kehidupan sehari-hari.

Sebagaimana yang telah dibahaskan dalam perenggan 3.2, secara tradisional, bahasa puisi dianggap berbeza daripada penggunaan bahasa biasa ataupun bahasa sehari-hari. Dengan perkataan lain, sebuah puisi pada hakikatnya menyatakan sesuatu bagi menyampaikan maksud yang lain. Puisi menyampaikan konsep-konsep serta sesuatu perkara secara tidak langsung. Maksud puisi lazimnya disampaikan dengan cara menggantikan unsur-unsur tertentu (metafora dan metonimi), mengubah suai atau memutarbalikkan unsur (*ambiguiti*, pertentangan atau *nonsense*), ataupun mungkin diubah suai melalui penyimpangan tatabahasa atau leksikon (*umpamanya*, percanggahan unsur), yang boleh dianggap sebagai unsur yang tidak gramatis (Riffaterra, 1978:1).

Baik teks puisi maupun teks laporan berita, kedua-duanya merupakan suatu interteks yang harus difahami oleh pembaca sebagaimana memahami kerangka dunia pemberitaan, iaitu dengan mengerti konsep pemaknaannya secara keseluruhan. Konsep pemaknaan interteks tersebut harus dibezakan dengan pemaknaan suksesif yang hanya berdasarkan kepada kata, frasa dan ayat. Setiap lambang dalam bahasa puisi

mempunyai dua wajah, iaitu *textually ungrammatical* dan *intertextually grammatical* (Riffaterra, 1978:165). Oleh sebab itu, untuk memahami maksud teks tertentu, perlu kita fahami hubungan antara komponen-komponen bahasa dengan sesuatu di luar bahasa.

Tegasnya, konsep pemaknaan tersebut pada asasnya berkaitan dengan teori membaca dan konsep teks. Dalam hal ini, analisis tajuk-tajuk berita lebih mengandalkan persoalan tentang retorik. Teks tajuk berita mendorong pembaca menghidupkan proses pemaknaan dalam pembacaan surat khabar. melalui proses pemaknaan tersebut, pembaca dapat menyedari bahawa yang dibaca sebenarnya bukan kata, melainkan makna yang terkandung di sebalik kata tersebut serta ideologi di sebalik makna itu. Semuanya itu tidak dapat diungkapkan dalam tulisan.

Walaupun begitu, teks-teks laporan berita memberi kesan merefleksikan kehidupan dalam berbagai-bagai aspeknya dengan suatu implikasi bahawa seakan terdapat adanya hubungan langsung antara bahasa dan realiti. Bahasa teks laporan berita membangkitkan secara konkret pengalaman yang dirasakan. Oleh sebab itu, teks tersebut sering dianggap sebagai sesuatu hal yang benar-benar dialami oleh pembaca. Penggunaan metafora dalam bahasa tajuk berita dengan jelas mencerminkan hal tersebut.

#### 4.3. Analisis Metafora dalam Laras Bahasa

Wacana laporan berita terhasil daripada lambang-lambang yang terbentuk melalui kombinasi kod makna. Bidang ini merupakan satu lapangan dalam bidang kajian komunikasi yang dipanggil semiotik, iaitu suatu bidang kajian mengenai penghasilan makna-makna sosial. Bidang kajian ini menumpukan perhatian dengan memahami unsur-unsur

persekitaran semula jadi, bentuk-bentuk serta pemakaian tanda-tanda dalam masyarakat. Lambang merupakan sebarang item atau unsur yang dapat menerbitkan makna, dan dengan itu semiotik yang merupakan satu cabang linguistik menjadikan bahasa sebagai unsur paling utama bagi sistem lambang (John Hartly, 1995:15).

Bahasa tidak menjelaskan gambaran tentang dunia secara langsung. Demikian pula laporan berita tidak menyatakan gambaran kejadian dan peristiwa dunia secara langsung. Ciri-ciri signifikasi atau pemaknaan tersebut menjadikan berita mengandungi makna. Sesuatu peristiwa yang dilaporkan bukan merujuk kepada bentuk, kandungan, makna atau kebenaran laporan, tetapi laporan daripada peristiwa tersebut sebenarnya merupakan sesuatu yang merujuk kepada apa yang hendak disampaikan oleh peristiwa tersebut, iaitu makna yang terbit daripada ciri-ciri sistem lambang dan juga konteks yang berkaitan dengan apa yang dinyatakan dan diterima. Hal tersebut mengandungi implikasi berhubung dengan persoalan mengapa sering wujud unsur-unsur retorik dalam tajuk-tajuk berita.

Laporan berita tentang sesuatu peristiwa yang terjadi di persekitaran adalah seperti peta dunia. Di dalam sesuatu peta, rupa bentuk permukaan bumi ditunjukkan dengan jelas dalam berbagai-bagai keadaan yang berbeza-beza. Melalui peta juga, kita boleh mengenal pasti rupa bentuk permukaan bumi melalui hubungan yang tidak putus-putus di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Bagaimanapun, dalam usaha kita mengenal pasti serta memahami sesuatu peta, kita harus terlebih dahulu pelajari berbagai-bagai kaedah yang berkaitan dengan kod-kod distintif, konvensi, lambang-lambang serta simbol yang terdapat di dalamnya.

Demikian juga di dalam memahami laporan surat khabar sebenarnya tiada perbezaan antara kedua-duanya. Apabila pembaca ingin membaca surat khabar, mereka juga berhadapan dengan berbagai-bagai jenis kod,

lambang dan simbol yang terdapat di dalam setiap halaman surat khabar. Kadang kala bahasa yang digunakan bagi menggambarkan sesuatu peristiwa mirip kepada gaya bahasa puisi, misalnya dalam hal penggunaan metafora. Cuba kita perhatikan contoh di bawah;

Kelantan masih pincang (BH, Sukan, 8 Julai 97)

Contoh tajuk berita itu adalah berkaitan dengan laporan yang menyatakan tentang kejayaan kesebelasan Selangor, iaitu pasukan bola sepak negeri Selangor dalam perlawanan akhir Piala Emas Raja-Raja. Dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium Sultan Muhamad IV, Kota Bharu pada 7 Julai, 1997 tersebut, kesebelasan Selangor berjaya menewaskan kesebelasan Kelantan dengan jaringan 3-1.

Berdasarkan tajuk berita tersebut, terdapat dua perkara yang dapat diperhatikan. Yang pertama ialah dari segi penggunaan kata 'Kelantan' sebagai subjek di dalam tajuk berita berkenaan. Perkataan 'Kelantan' yang digunakan di dalam tajuk berita tersebut tidak boleh difahami secara langsung. Pada dasarnya kata tersebut bukanlah merujuk kepada nama sebuah negeri di Semenanjung Malaysia, sebaliknya merujuk kepada kesebelasan pemain bola sepak ataupun dengan kata lain pasukan bola sepak negeri Kelantan yang tewas kepada pasukan negeri Selangor. Manakala yang kedua ialah penggunaan perkataan 'pincang' dalam tajuk berita tersebut merupakan suatu bentuk retorik bahasa untuk menggambarkan kelemahan pasukan Kelantan. Perkataan 'pincang, pada dasarnya merujuk kepada suatu keadaan yang tidak sempurna atau cacat.

Sekiranya kita meneliti kedua-dua perkara tersebut, tajuk berita itu merupakan sesuatu hasil pengolahan bahasa secara langsung, iaitu termasuk dalam kategori bahasa metafora. Melalui tajuk berita tersebut, dengan cara tidak langsung kita dapat fahami bahawa pihak yang

merancang tajuk berita tersebut seolah-olah lebih cenderung meletakkan kelemahan kepada pasukan Kelantan berbanding dengan Selangor. Dalam konteks lain pula, kita mungkin dapat memahami bahawa laporan tersebut cuba menyatakan tentang pasukan bola sepak Kelantan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menang, namun masih terdapat kelemahan yang menyebabkan pasukan tersebut kalah juga akhirnya. Dengan perkataan lain, pembaca secara tidak langsung dapat membuat gambaran makna tertentu yang tercantum dalam tajuk berita tersebut, iaitu mungkin seperti berikut <Kelantan telah berusaha dan berupaya untuk menang, tetapi akhirnya kalah juga>. Meneliti hal yang sama juga, perhatikan contoh berikut;

Serangan Perak masih tumpul (BH, Sukan, 1 April 96)

Di dalam tajuk berita di atas, penggunaan kata 'serangan' dan 'tumpul' tidak harus dilihat dalam konteks makna biasa. Kata 'serangan' yang lazimnya dikaitkan dengan perihal perbuatan menyerang dengan cara kekerasan, misalnya di dalam peperangan, pergaduhan, dan sebagainya bukanlah maksud yang sebenarnya dalam konteks penulisan tajuk berita di atas. Sebaliknya 'serangan' di dalam tajuk berita tersebut bermaksud usaha yang dilakukan pemain-pemain pasukan Perak untuk mendapatkan gol di dalam permainan bola sepak. Demikian juga dengan kata 'tumpul' yang membawa implikasi makna serangan oleh pasukan Perak yang tidak berkesan dan gagal mendapatkan gol. Dalam konteks makna lazim, tumpul ialah sifat bagi sesuatu benda atau senjata seperti pisau, jarum, parang, dan sebagainya yang tidak tajam. Oleh yang demikian, pendekatan dalam penggunaan retorik bahasa dalam penulisan tajuk berita merupakan kaedah yang lazim, terutama dalam memberi gambaran makna secara tidak langsung.

Kaedah penggambaran makna secara tidak langsung tersebut hampir tiada bezanya dengan retorik bahasa puisi yang menghidupkan fungsi bahasa puisi dalam konteks penulisan karya sastera. Hal serupa ini mengingatkan kita tentang pandangan Riffaterra (1978) yang mengatakan bahawa setiap lambang puisi mempunyai dua wajah, iaitu *textually ungrammatical* dan *intertextually grammatical* (Riffaterra, 1978:165).

#### 4.3.1. Metafora Struktural dan Metafora Statik

Untuk membuat penelitian terhadap unsur metafora dalam tajuk berita, ada baiknya dihuraikan mengenai kedua-dua pandangan tentang metafora seperti yang pernah dikemukakan oleh Foley (1998) dan Asmah (1996).

Merujuk pandangan Johnson (1987), Foley (1998:185-6) merumuskan hubungan bentuk bahasa dengan makna seperti yang berikut;

1. ideas or thought are objects
2. words and sentences are containers for these object
3. communication consists in finding the right word-container for your idea-object, sending this filled container along a conduit (e.g. writing) or through space (e.g. speech) to the hearer, who must then take the idea-object out of the word-container

Berdasarkan penyataan di atas, Foley (1998:187) berpendapat bahawa fungsi metafora dapat diwujudkan melalui proses rumusan tersebut. Dalam proses tersebut timbul hubungan menyaling antara *tenor* dan *vehicle* untuk mewujudkan metafora. Justeru, pada masa yang sama wujudlah makna metafora berkenaan.

Berhubung dengan hal tersebut, Foley (1998) mengajukan sesuatu model untuk menganalisis proses metafora dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan pandangan Lakoff dan Johson(1980), Foley (1998:178) mengkaji kaedah metafora berhubung dengan kemarahan dalam bahasa Inggeris sebagai berikut;

THE BODY IS A CONTAINER FOR THE EMOTIONS.  
EMOTIONS ARE CONTAINED LIQUIDS.  
EMOTIONS IS HEAT.  
ANGER IS THE HEAT OF A FLUID IN A CONTAINER.

Berdasarkan rumusan tersebut, suatu cecair yang berisi dalam bekas diumpamakan sebagai perasaan. Seterusnya perasaan merupakan bahan yang panas. Oleh itu, salah satu ciri perasaan, iaitu kemarahan dapat diibaratkan sebagai bahan panas cecair yang terdapat di dalam bekas berkenaan. Dengan perkataan lain, fenomena yang berkenaan tubuh badan dapat diumpamakan sebagai fenomena ilmu fizik. Umpamanya, perhatikan contoh ungkapan dalam bahasa Inggeris berikut, *you make my blood boil* yang secara umumnya boleh difahami sebagai *kamu membuat darahku mendidih*. Ungkapan *blood boil* boleh bererti ‘naik darah’ dalam bahasa Melayu.

Fungsi metafora tersebut dapat mempengaruhi perubahan struktur leksikal maupun tatabahasa. Contoh-contoh yang diberikan di bawah ini merupakan sebahagian daripada aspek yang dipengaruh unsur metafora dalam organisasi tatabahasa.

perkataan	makna metafora
mata	bahagian yang penting, pusat tumpuan
muka	bahagian depan atau hadapan
kepala	bahagian atas
kaki	bahagian bawah
bahu	bahagian samping

Kata-kata dalam contoh di atas pada asalnya merupakan kata nama yang merujuk kepada bahagian anggota badan. Akan tetapi melalui proses metafora, kata-kata tersebut mengalami sesuatu proses peluasan nahu (grammatical extension) (Foley, 1998:188) dan menjadi kata penunjuk arah atau posisi untuk menunjukkan bahagian ruang tertentu. Dari segi persamaannya, contoh-contoh di atas dipanggil sebagai hasil metonimi, kerana perumpamaan tersebut wujud berdasarkan hubungan kesamaan antara keseluruhan makna *tenor* dan sebahagian makna *vehicle* atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, metafora dan metonimi pada hakikatnya merupakan kaedah perumpamaan yang tidak banyak beza dalam hal merujuk kesamaan atau asosiasi antara *tenor* dan *vehicle*. Kaedah metafora yang berkaitan dengan struktur tatabahasa seperti yang tersebut di atas dipanggil sebagai *structural metaphors* (Lakoff and Johnson, 1980:14).

Berhubung dengan pandangan Lakoff dan Johnson (1980) di atas, Asmah (1996) pernah membuat kajian berhubung metafora dalam kata-kata berkenaan dengan tubuh badan manusia dalam bahasa Melayu. Melalui kajian tersebut, Asmah (1996) menyimpulkan bahawa banyak perkataan atau ungkapan berkenaan struktur tubuh badan manusia dalam bahasa Melayu telah menjadi ungkapan yang simbolik untuk menyatakan budaya orang Melayu. Apa yang perlu diberi tumpuan, menurut pandangan Asmah (1996:8), ialah berbagai-bagai fungsi leksikalisisasi metafora yang disebut beliau sebagai *static metaphors*. Menurut kajian beliau, melalui proses pembudayaan yang cukup panjang, ungkapan-ungkapan tersebut telah menjadi unsur-unsur bahasa yang tetap dan stabil dalam leksikon bahasa Melayu. Perhatikan kenyataan beliau berikut;

The metaphors of anatomy examined in this study are confined to what I would call static metaphors, that is metaphors which have become crystallized over a very long period of time. These metaphors have become single lexical items by themselves, and most can be semantically defined without the context of usage (Asmah, 1996:8).

Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa ungkapan-ungkapan tersebut merupakan suatu hasil daripada proses leksikalisasi dalam lingkungan budaya masyarakat pengguna bahasa Melayu. Perhatikan contoh-contoh di bawah;

kata(simpulan bahasa)	makna metafora
panas darah	marah
naik darah	marah
ringan tulang	rajin
berat tulang	malas
banyak mulut	suka berleter
bawa mulut	suka menceritakan keburukan orang lain

Fungsi bahagian-bahagian tubuh dianggap sangat penting bagi manusia sejak zaman dahulu kala. Kesedaran terhadap kepentingan tersebut lama-kelamaan telah menjadi suatu budaya atau kepercayaan bagi setiap masyarakat manusia di dunia. Seterusnya, kesedaran dan kepercayaan tersebut digambarkan atau dinyatakan dengan bahasa yang berlandaskan kebudayaan masing-masing. Metafora anatomi yang telah dikaji Asmah (1996) tersebut merupakan suatu cerminan yang nyata untuk membuktikan kenyataan tersebut.

#### 4.3.2. Metafora sebagai Wadah Budaya

Melalui huraihan mengenai pandangan Foley (1998) dan Asmah (1996) tersebut, suatu kesimpulan dapat dibuat bahawa unsur metafora bukanlah merupakan suatu kaedah mengarang yang secara khusus dilakukan di dalam bidang ilmu sastera sahaja malah juga merupakan suatu pendekatan dalam penggunaan gaya bahasa yang lazim digunakan dalam pemakaian bahasa sehari-hari dan dalam bidang-bidang penulisan yang lain. Hal ini jelas ditunjukkan melalui dakwaan Asmah (1996:7) seperti yang berikut;

Metaphors are not just "beautiful language." They also reflect the conceptual system of the language and the cultural belief of the speakers.

Untuk menghuraikan mengenai penggunaan metafora di dalam tajuk berita, sekali lagi diperhatikan contoh yang dikemukakan di bawah. Tajuk berita di bawah ini merupakan sebuah tajuk berita yang diambil daripada halaman sukan dalam BH (8, Julai, 1997). Perhatikan bentuk dan makna bahasa tajuk berita berikut;

Kelantan masih pincang (BH, Sukan, 8 Julai, 97)

Seperti dihuraikan dalam 4.3.1. di atas, kita harus ingat bahawa 'Kelantan' ialah suatu kata nama yang merujuk kepada salah sebuah negeri di bahagian timur Semenanjung Malaysia. Jika kita tidak mengetahui hal yang sebenar (berkaitan dengan pasukan bola sepak negeri Kelantan) serta sama sekali pula tidak memahami kewujudan fungsi metafora dalam tajuk berita tersebut, maka 'Kelantan masih pincang mungkin akan dianggap sebagai proposisi yang tidak munasabah.

Ini kerana pembaca mungkin beranggapan bahawa 'Kelantan' mewakili makna sebenar iaitu 'negeri Kelantan' itu sendiri. Untuk memahami kaedah penggunaan metafora maka tajuk berita tersebut dapat dianalisis melalui rumusan yang berikut ini.

Kelantan merupakan wadah kesebelasan.

Kesebelasan merupakan sesuatu yang bernyawa.

Kesebelasan merupakan tubuh badan.

Berdasarkan rumusan metafora tersebut, Kelantan dapat ditafsirkan sebagai kesebelasan. Seterusnya, kesebelasan itu merupakan sesuatu yang bernyawa (emain-pemain). Kalah dan menang dalam perlawanan oleh kesebelasan tersebut berkaitan dengan pergerakan tubuh badan. Justeru, kepincangan tubuh badan, iaitu kelemahan pemain-pemainnya, merupakan faktor kekalahan kesebelasan tersebut. Demikianlah penafsiran rumusan metafora, tersebut. Dengan proses tersebut maka para pembaca dengan sendirinya dapat memahami makna yang tersembunyi di dalam tajuk berita tersebut. Berdasarkan sumber data kajian, terdapat cukup banyak tajuk berita yang menggambarkan hal sedemikian yang menggunakan kaedah metafora, terutamanya dalam bahagian sukan, misalnya mengenai perlawanan bola sepak. Dalam contoh lain perhatikan tajuk berita di bawah ini;

- (1) Selangor *ditelan* keegoan sendiri (BH, Sukan, 17 Julai 97)
- (2) Samba, Rosli *mangsa* awal (BH, Sukan, 17 Julai 97)
- (3) *Ngauman* Perlis bakal berterusan (BH, Sukan, 17 Julai 97)

Melalui contoh-contoh (1), (2) dan (3) di atas, penggunaan kata-kata 'ditelan', 'mangsa', 'ngauman' di dalam tajuk-tajuk berita tersebut memperlihatkan gambaran yang agak kasar pada pemahaman lazim.

Dalam konteks tertentu, kata-kata berkenaan barangkali sesuai digunakan untuk merujuk hal-hal yang berkaitan dengan perlakuan haiwan seperti ular atau harimau. Namun, sebagai suatu bentuk retorik dalam penulisan tajuk berita, kata-kata tersebut dipilih untuk menggambarkan keadaan tertentu yang terjadi atau dialami oleh manusia. Semua tajuk berita di atas sebenarnya adalah berkaitan dengan perlawanan bola sepak. Kata-kata yang nyatakan di dalam contoh-contoh di atas telah berfungsi sebagai metafora bagi membayangkan maksud sebenar yang dialami oleh setiap pasukan bolak sepak tersebut.

Dalam contoh (1), pihak yang kalah, iaitu pasukan negeri Selangor telah diumpamakan sebagai mangsa yang *ditelan* oleh pihak yang menang. Dalam contoh (2) pula, pihak yang menjadi mangsa digambarkan seolah-olah sangat lemah dan menjadi mangsa kepada pihak yang lebih kuat. Mungkin disebabkan oleh ketidakcekapan atau masalah pihak yang menjadi mangsa tersebut maka dengan mudah mereka dikalahkan. Manakala dalam contoh (3) pula, kekuatan yang ada pada keselelasan pasukan Perlis diibaratkan sebagai harimau, iaitu digambarkan melalui kata 'ngauman'. Dari segi perbandingan tentang makna yang dapat kita fahami daripada penggunaan unsur metafora tersebut dapat kita tunjukkan seperti berikut;

makna	unsur metafora
tewas	ditelan
korban	mangsa
kuasa	ngauman

Melalui kenyataan di atas dapat difahami bahawa pengalaman yang berkaitan dengan perlawanan bola sepak telah dinyatakan dengan butir-butir linguistik yang sama sekali tidak ada kaitan dengan

pengalaman fizikal yang sebenar seperti ditelan, mangsa dan ngauaman. Kata-kata tersebut selayaknya digunakan bagi menggambarkan perbuatan haiwan, umpamanya dalam hal pertarungan atau pemburuan oleh binatang-binatang di dalam hutan.

Unsur-unsur metafora yang berkaitan dengan alam haiwan tersebut pada dasarnya dapat dibuaturaian mengenai pertalian hubungannya dengan maksud sebenar yang hendak dinyatakan sebagaimana rumusan berikut;

Kerajaan merupakan wadah binatang.

Binatang merupakan perjuangan yang berisi dalam wadah.

Binatang merupakan makanan.

Perlawanan bolasepak merupakan wadah perjuangan.

Perjuangan merupakan kesebelasan yang wujud dalam wadah.

Perjuangan merupakan takhta kerajaan.

Dari sudut lain pula, kita sering dapati bahawa penggunaan istilah atau ungkapan yang sedemikian cenderung mempunyai persamaan dengan istilah yang terdapat di dalam bidang ketenteraan. Ini kerana perlawanan bola sepak sering dianggap sebagai pertarungan atau perjuangan. Dengan demikian, untuk memperlihatkan ciri-ciri sensasi di dalam tajuk berita, maka kita akan kerap temui istilah-istilah seperti berikut digunakan;

istilah kekenteraan	makna
penyerang	penyerang / penggempur
pertahanan	menjaga supaya selamat
meggegar	bergerak tangkas untuk mengancam
pasukan	kesebelasan pemain
mara	maju untuk menggempur
meniti jambatan api	menghadapi keadaan yang berbahaya dengan berani
ranjau	seteru yang kuat
anak buah	pemain-pemain yang dibimbing

Melalui perbandingan menyaling antara kedua-dua rumusan tersebut maka kita dapat memahami konsep metafora yang digunakan melalui tajuk-tajuk berita seperti yang dihuraikan di atas. Seterusnya, ungkapan-ungkapan tersebut berupaya memberikan makna yang sesuai dengan konteks berkenaan. Oleh sebab itu, pembaca tajuk-tajuk berita tentu dapat memahami makna yang ingin disampaikan oleh penulis tajuk berita berkenaan.

Bagi membuktikan lagi kenyataan di atas, perhatikan contoh berikut;

(4) Pahang hasrat kuasai *takhta*

Dalam contoh (4) di atas, kata takhta sebenarnya bukanlah merujuk kepada makna takhta yang sebenarnya misalnya tempat raja bersemayam, sebaliknya merujuk kepada puncak kejuaraan di dalam kejohanan bola sepak. Jadi, unsur tersebut merupakan suatu hasil manipulasi secara metafora. Penggunaan metafora sedemikian yang kerap dalam tajuk berita telah menjadikan suatu kelaziman sehingga unsur tersebut bukan lagi dianggap sebagai ungkapan-ungkapan yang khusus yang berkaitan dengan metafora, tetapi menjadi kata-kata yang biasa. Oleh itu, pengguna bahasa lazimnya menganggap ungkapan-ungkapan sedemikian sebagai idiom. Perhatikan contoh di bawah;

(5) Pengajaran pedih buat Pahang (BH, Sukan, 17 Julai 97)

Berhubung dengan contoh (5) di atas, pemahaman makna sebenar di sebalik penggunaan kata 'pedih' dalam tajuk berita tersebut mungkin terjawab melalui penelitian sepenuhnya terhadap kandungan laporan berita yang berkaitan. Untuk menjelaskan gambaran sebenarnya sila perhatikan ringkasan berita yang diturunkan di bawah;

Dalam perlawanan dengan kesebelasan Perlis, kesebelasan Pahang mendahului 2-0 pada separuh masa pertama. Akan tetapi, akibat beberapa kesilapan dalam pertahanan Pahang membuatkan penyerang Perlis berjaya membocori gawang Pahang sampai 5 kali. Dengan demikian, Perlis menang 5-3.

Dengan meneliti perbandingan tajuk berita dengan kandungan laporan tersebut, terdapat suatu perkara yang menarik, iaitu penggunaan kata 'pedih' dalam tajuk berita tersebut. Kata 'pedih' merujuk kepada suatu bentuk rasa atau perasaan yang sangat abstrak yang dialami oleh seseorang. Dalam konteks makna kamus, kata pedih diperjelas maknanya sebagai rasa sakit, umpamanya apabila luka atau sebagainya. Melalui penggunaan kata sedemikian, pembaca dengan sendirinya akan dapat memahami makna perkataan itu. Pemahaman tersebut sememangnya berdasarkan fungsi metafora yang dihuraikan di atas.

Berhubung dengan contoh di atas juga, suatu perkara lain yang perlu diperhatikan ialah kedudukan komponen subjek di dalam tajuk berita tersebut. Persoalannya, mengapakah tajuk berita tersebut menjadikan Pahang, iaitu pihak yang kalah sebagai subjeknya? Apakah perancang tajuk berita sebenarnya lebih cenderung untuk menonjolkan hakikat kekalahan Pahang berbanding dengan kemenangan Perlis? Kalau bukan begitu, mengapakah pihak yang menang, iaitu Perlis tidak ditonjolkan sebagai pelaku atau subjek dalam tajuk berita tersebut? Lebih menimbulkan persoalan lagi ialah apabila penulis dengan sewenang-wenangnya menggunakan kata 'pedih' untuk menggambarkan konsep derita yang ditanggung oleh pasukan Pahang. Dalam hal ini, pembaca dengan mudah dapat memahami perkara sebenar setelah membaca keseluruhan kandungan berita. Kemenangan selesa Pahang pada separuh masa pertama tiba-tiba diragut oleh pasukan lawan, iaitu Perlis. Maka amat bertepatan sekali apabila perancang tajuk berita menggunakan

kata pedih untuk menggambarkan kekecewaan yang dialami oleh Pahang setelah pada suatu ketika sedang berada dalam keadaan selesa untuk menang.

Berdasarkan huraian yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa perbincangan tentang metafora bukan hanya terbatas atau semata-mata berkaitan dengan bentuk linguistik lahiriah, tetapi juga dikaitkan dengan konteks makna. Demikian pula, makna tersebut pada hakikatnya terhasil melalui proses pembudayaan pengguna bahasa berkenaan. Oleh sebab itu, telah ditekankan berulang kali dalam bab-bab sebelumnya berhubung dengan gaya atau genre yang merupakan wadah budaya pengguna bahasa. Sehubungan dengan itu, perhatikan contoh tajuk berita berikut;

(6) Hijau kuning enggan lepas peluang (BH, Sukan, 8 Julai 97)

Dalam contoh di atas, 'hijau' dan 'kuning' merupakan kata-kata yang merujuk kepada warna. Kedua-duanya merujuk kepada konsep warna yang berlainan. Akan tetapi, di dalam tajuk berita di atas, kedua-dua perkataan tersebut bukannya merupakan unit yang terpisah dari segi kesatuan makna. Konsep 'hijau kuning' di dalam tajuk berita tersebut berfungsi sebagai satu kesatuan makna, iaitu secara metafora, konsep tersebut merujuk kepada negeri Kedah ataupun boleh juga bermaksud pasukan bola sepak Kedah. Jika kita dapat memahami huraian mengenai metafora di atas, maka dapat kita jelaskan proses penggambaran makna tersebut seperti yang berikut;

Kedah merupakan wadah kesebelasan.

Kesebelasan merupakan bendera yang wujud dalam wadah.

Kesebelasan merupakan warna.

Hijau kuning merupakan warna bendera yang berisi dalam wadah.

Tanpa memahami sepenuhnya proses hubungan tersebut, maka kita tidak mungkin dapat menafsirkan makna yang tercantum dalam ungkapan tersebut. Ungkapan dalam tajuk berita tersebut merupakan suatu kod budaya. Tajuk berita tersebut bukan merupakan unit linguistik yang berasingan tetapi merupakan salah satu kod yang berkesinambungan dengan kod-kod yang lain, baik dalam wacana teks maupun dalam wacana budaya pengguna bahasa. Oleh sebab itu, pemahaman tajuk berita merupakan sesuatu proses pencarian makna berkenaan melalui proses *decoding* atau penafsiran kod-kod budaya.

Dalam hal ini, kita dapati bahawa kepentingan kajian mengenai bahasa tidak menekankan ciri-ciri konvensional seperti konsep tatabahasa semata-mata tetapi harus juga menjurus kepada pandangan yang baru, iaitu dari segi penafsiran kod budaya.

Bayangkan jika tajuk berita tersebut diterjemahkan secara literal, maka kemungkinan dapat diterangkan seperti berikut, iaitu <Hijau dan kuning enggan lepas peluang>, sedangkan kita tidak menyedari bahawa sebenarnya wujud makna lain di sebaliknya, iaitu <Kesebelasan Kedah enggan lepas peluang>.

Gejala penggambaran makna seperti yang diuraikan setakat ini bukan merupakan proses sembarang tetapi merupakan suatu proses gramatikal dalam ragam bahasa tajuk berita. Gejala serupa itu disebut sebagai *grammatical metaphor* atau metafora gramatikal (Foley, 1998:178).

#### 4.3.3 Metafora Gramatikal

Metafora gramatikal secara khususnya dinyatakan dalam bentuk nominalisasi di dalam berbagai-bagai teks tulisan. Bahasa tulisan pada dasarnya mengandungi lebih banyak unsur metafora gramatikal

berbanding bahasa basahan atau bahasa lisan. Dengan kewujudan unsur metafora tersebut, terdapat dua jenis fungsi yang sangat mustahak dapat diperhatikan dalam tulisan, iaitu fungsi abstraksi dan fungsi penjarakan. Pada dasarnya, kecenderungan fungsi metafora tersebut dapat dianggap sebagai sesuatu lambang yang menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi (Eggins, Suzanne et al. 1993:77).

Hubungan antara fungsi abstraksi dan fungsi penjarakan dengan laporan teks berita pada asasnya berdasarkan prinsip generalisasi. Melalui prinsip generalisasi pemberita cenderung dianggap tidak terlibat secara langsung atau bebas daripada bersikap berat sebelah. Justeru, pemberita dianggap bebas daripada sebarang prasangka yang memungkinkan tanggapan bahawa pemberita terlibat dalam sesuatu kejadian atau peristiwa yang dilaporkan. Perkara tersebut sebenarnya telah disentuh secara singkat dalam 4.2.2. sebelum ini. Untuk huraian yang lebih lanjut berhubung hal tersebut, perlu diperhatikan contoh di bawah:

#### Teks 25

##### Seminar IT

ORANG ramai yang ingin *mendalami* pengetahuan *berkaitan* teknologi maklumat khususnya Internet yang *bercirikan* keIslamam tidak harus *melepaskan* peluang *mengikuti* Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat, pada 9 hingga 11 September ini di Pusat Islam, Kuala Lumpur (BH, Selasa, 8 Julai 97)

Teks laporan di dalam berita di atas terdiri daripada satu ayat keseluruhannya. Keseluruhan teks berkenaan saling berfungsi sebagai pendahulu dan tubuh laporan berita. Dalam teks tersebut juga terdapat lima kata kerja, seperti yang bertulis miring, yang berfungsi menyatakan tentang tindakan yang bertindih-tindih.

Walau bagaimanapun, kerencaman tersebut telah disederhanakan melalui tajuk berita yang ditulis dengan dua buah perkataan sahaja, iaitu <seminar> dan <IT>. Segala unsur tindakan yang dinyatakan dengan lima buah kata kerja di dalam laporan berita tersebut telah dapat direalisasikan di dalam sebuah frasa kata nama <Seminar IT>. Dengan itu, makna keseluruhan teks laporan tersebut telah diserapkan ke dalam sesuatu proses abstraksi, iaitu melalui satu tajuk berita yang sangat ringkas.

Dalam hal ini juga, satu perkara yang harus diberi perhatian adalah berkenaan dengan penggunaan kata singkatan IT dalam tajuk berita tersebut. Istilah IT sebenarnya berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu singkatan bagi *Information Technology*. Bagaimanapun, jika kita meneliti keseluruhan teks laporan berita tersebut, istilah IT sebenarnya sama sekali tidak wujud sebaliknya terdapat istilah terjemahan iaitu <teknologi maklumat> digunakan. Hal ini bermakna bahawa tajuk berita tersebut iaitu <Seminar IT> ialah suatu hasil abstraksi yang dibuat terhadap kandungan laporan berita.

#### 4.3.3.1. Nominalisasi Tajuk Berita

Di dalamuraian berhubung dengan konsep nominalisasi tajuk berita, ada baiknya dirujuk kembali berkenaan proses nominalisasi yang berkaitan dengan perancangan tajuk berita seperti yang dibahas dalam 3.5.5.2. Hal ini juga pada prinsipnya berkaitan dengan fungsi metafora gramatikal. Proses nominalisasi yang dimaksudkan di sini merupakan suatu proses sintaksis yang melibatkan penggantian unsur-unsur predikat bukan kata nama, misalnya kata kerja atau kata adjektif, dengan unsur kata nama. Nominalisasi sering digunakan untuk mewujudkan ciri-ciri

makna tindakan dalam bentuk yang lebih abstrak. Tegasnya, nominalisasi merupakan suatu proses abstraksi. Sebagai contoh, bagi menunjukkan proses tersebut, misalnya kata kerja 'menggunakan' atau 'digunakan' akan diubah menjadi bentuk kata nama 'penggunaan' di dalam tajuk berita. Perhatikan contoh (1) di bawah.

(1) *Penggunaan* tenaga berlebihan punca gangguan

(BH, Nasional, 11 Januari 96)

Dalam bidang tatabahasa, kata <penggunaan> dalam contoh (1) di golongkan sebagai kata nama terbitan. Seperti yang diuraikan sebelum ini, kata nama terbitan dibentuk berdasarkan proses abstraksi. Dalam hal ini, makna kata nama terbitan tersebut pada hakikatnya tidak dirujuk sebagai suatu unsur tindakan, sebaliknya dilihat dari segi hal yang berkaitan dengan perbuatan. Dengan demikian jelaslah bahawa nominalisasi dapat dianggap sebagai suatu ciri yang khusus dalam laras hegemonik tajuk berita seperti yang telah dibahaskan dalam 3.4.1.

Dalam bahasa pemberitaan, untuk menekankan fungsi nominalisasi tersebut, tanda titik bertindih (:) sering digunakan untuk menonjolkan pelaku atau topik dalam berita. Hal begini dapat diperhatikan melalui contoh (2) di bawah;

(2) Perayaan : Bas diarah pindah 11 Februari

(BH, Nasional, 11 Januari 96)

Berdasarkan contoh tajuk berita di atas, penggunaan tanda titik bertindih (:) berfungsi memisahkan di antara dua bahagian tajuk berita, iaitu topik <perayaan> dan peristiwa yang berkaitan dengan topiknya, <bas diarah pindah 11 Februari>.

Dalam hal ini perlu diketahui bahawa tanda baca titik bertindih tersebut mungkin digunakan untuk memberikan kesan metafora melalui

tajuk-tajuk beritanya. Untuk itu perhatikan contoh-contoh tajuk berita yang dinyatakan di bawah;

- (3) Amerika tidak kurang askar di Seoul : Cohen (BH, Dunia, 11 April 97)

ICC : Perlawanan tempat ke-3 hari ini (BH, Sukan 11 April 97)

Tragedi haji : India enggan tuduh Saudi (BH, Dunia, 5 Mei 97)

Bayi : Jabatan Pendidikan minta laporan (BH, Nasional, 6 Mei 97)

Sidang Bumi : AS mungkir janji (BH, Dunia, 23 Jun 97)

Rasuah: Pemfitnah boleh kena hukum (BH, Nasional, 15 Julai 97)

Pencen : Cuepacs sokong formula JPA (BH, Nasional, 1 April 96)

Sabah tidak merosot : Anifah (BH, Sukan, 1 April 96)

Berdasarkan tajuk-tajuk berita di atas, sesuatu yang menarik perhatian kita adalah tentang struktur tajuk berita yang difokuskan kepada unsur frasa nama, iaitu terdiri daripada Cohen, ICC, Tragedi Haji, Bayi, Sidang Bumi, Rasuah, Pençen dan Anifah. Dari segi struktur sintaksis, frasa-frasa nama tersebut merupakan hasil proses nominalisasi daripada keseluruhan teks atau klausa-klausa yang berkenaan. Frasa tersebut merupakan abstraksi dan sekali gus juga merupakan sesuatu proses pemindahan kategori gramatikal. Seterusnya, unsur tersebut merupakan sesuatu gambaran yang menyeluruh tentang setiap kandungan laporan berita yang berkaitan. Dengan itu, contoh-contoh tajuk berita di atas merupakan suatu hasil generalisasi terhadap kandungan laporan berita. Dalam proses generalisasi tersebut, metafora gramatikal sering diguna pakai bagi membentuk tajuk berita di dalam surat khabar.

Selain itu, terdapat juga unsur nominalisasi yang berciri khusus seperti contoh (4) berikut:

- (4) Menangani Aids dari perspektif Islam (BH, Nasional, 11 Januari 96)

Dalam contoh (4) di atas perkataan 'Menangani' merupakan kata kerja berimbuhan awalan dan akhiran 'meN - i'. Dari segi nahu, perkataan tersebut digolongkan sebagai kata kerja. Namun, dalam konteks retorik bahasa berita, kata tersebut bukan dianggap berfungsi sebagai kata kerja tetapi memperlihatkan fungsi kata nama. Dengan perkataan lain, contoh (4) di atas merupakan sebuah klaus nominal. Oleh yang demikian, maka tajuk berita dalam contoh (4) tersebut tidak boleh menjadi sesuatu kesatuan makna yang dinamik yang menekankan tindakan untuk pesakit AIDS dari sudut pandangan Islam. Dengan itu, secara tidak langsung, tajuk berita dalam contoh (4) di atas wujud sebagai proses nominalisasi makna tajuk berita.

Sementara itu, sering juga terdapat hasil nominalisasi seperti dalam contoh (5) di bawah ini;

(5) Tuduhan jenayah terhadap PM Thai (BH, Dunia, 11 Januari 96)

Tajuk berita dalam contoh (5) di atas merupakan suatu proses abstraksi daripada laporan berita mengenai Perdana Menteri Thai yang dituduh melakukan perbuatan jenayah. Dalam hal ini, unsur predikat di dalam tubuh laporan berita barangkali dapat dibayangkan sebagai kata kerja 'menuduh' ataupun 'dituduh'. Akan tetapi, unsur kata kerja tersebut diubah menjadi kata nama iaitu 'tuduhan' sebagai kata kepala atau induk dalam tajuk berita tersebut. Dengan demikian, struktur tajuk berita yang terhasil tersebut secara keseluruhannya merupakan struktur frasa nama. Tegasnya, dalam hal ini proses nominalisasi sekali lagi terbentuk.

#### 4.3.3.2. Penggunaan Bentuk Aktif dan Pasif

Pada umumnya, dalam kajian mengenai laras bahasa dalam tajuk berita, konsep transitiviti tidak harus diabaikan begitu saja. Transitiviti, pada dasarnya merupakan salah satu kaedah daripada sekian banyak cara yang menjadi pilihan utama perancang tajuk berita untuk menyatakan peristiwa atau kejadian yang berlaku di persekitaran. Dalam hal ini, kelainan kaedah pemaparan atau penggambaran terhadap sesuatu berita sebenarnya adalah berdasarkan kepada perbezaan persepsi atau sudut pandangan pengguna bahasa terhadap peristiwa berkenaan. Tegasnya, transitiviti merujuk kepada bagaimana sesuatu makna dapat dijelaskan atau digambarkan di dalam sesuatu ayat atau klausa.

Hal tersebut dapat dikaitkan dengan dakwaan Roger Fowler (1991:78-9) yang mengatakan bahawa seseorang pemberita menyampaikan gambaran mental tentang realiti melalui struktur bahasa tertentu dan mereka mengorganisasikan pengalaman mereka melalui bahasa yang digunakan. Oleh yang demikian, pemberita cenderung memilih dan menggunakan suatu kaedah atau gaya tertentu untuk menceritakan sesuatu peristiwa atau kejadian. Bagi menjelaskan mengenai konsep transitiviti ini, kaedah yang sering digunakan adalah melalui penggunaan bentuk aktif – pasif. Perhatikan contoh-contoh tajuk berita (6) di bawah:

- (6) 1,387 pendatang *ditahan* (BH, Nasional, 4 Ogos 97)  
Pulau Redang tetap *dimajukan* (BH, Nasional, 1 Mei 96)  
Laporan akhbar Singapura *dipersoal* (BH, Nasional, 1 Mei 97)  
Pyongyang *didesak* bubar tentera (BH, Dunia, 12 April 97)

Melalui contoh (6) di atas, kita dapati terdapat suatu persamaan dari segi struktur bahasa di dalam tajuk-tajuk berita tersebut, iaitu terdapat

penghilangan pelaku. Penggunaan kata kerja berbentuk pasif dalam setiap tajuk berita di atas, seperti *ditahan*, *dimajukan*, *dipersoal* dan *didesak* tidak didampingi oleh pelaku. Apabila pelakunya tidak dinyatakan di dalam tajuk berita tersebut, maka sudah tentu menimbulkan implikasi tentang siapakah sebenarnya yang akan dipertanggungjawabkan terhadap setiap peristiwa tersebut. Dalam hal yang lain pula, penggunaan bentuk pasif sedemikian akan dapat melahirkan kesan bahawa penderita merupakan fokus di dalam tajuk berita tersebut. Seterusnya, penderita tersebut berfungsi sebagai subjek dalam tajuk berita berkenaan.

Penggunaan bentuk pasif dalam tajuk berita juga sering dianggap sebagai suatu kaedah mengedit bagi tujuan keringkasan disebabkan oleh faktor kendala ruangan di dalam halaman surat khabar. Bagaimanapun, pemilihan bentuk pasif dalam perancangan tajuk berita dapat juga ditafsirkan dari sudut pandangan yang lain. Dalam hal ini, pemilihan bentuk pasif tersebut dapat dianggap sebagai salah satu cara untuk mengorganisasikan maklumat dalam bahasa yang bersifat rasmi dan birokratik. Untuk huraian selanjutnya, perhatikan tajuk berita dan isi laporan berita dalam contoh (7) di bawah;

(7) Teks 26

### 6 nelayan Thai didenda

Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM750,000 ke atas enam nelayan Thailand, termasuk taikong, setelah mereka mengaku salah menangkap ikan secara haram di kawasan perairan negara ini, Ahad lalu (BH, Nasional, 17 Julai 1997).

Berdasarkan penelitian terhadap teks berita (7) di atas, apa yang menarik perhatian kita ialah fakta yang menunjukkan bahawa pemberita

tidak pernah ditonjolkan sebagai peserta yang terlibat secara langsung dan berfungsi sebagai subjek. Melalui struktur penulisan tajuk berita tersebut sudah jelas diketahui bahawa laporan tersebut adalah mengenai enam orang nelayan Thai yang dikenakan hukuman denda. Pihak yang menjatuhkan hukuman tersebut yang telah dinyatakan di dalam berita berkenaan ialah Mahkamah Majistret. Bagi menjelaskan maklumat tentang hukuman tersebut, pemberita menggunakan bentuk pasif dalam tajuk beritanya. Kita pasti maklum bahawa pemberita tentunya memperoleh informasi tentang perkara tersebut daripada sumber berita tertentu. Walaupun pemberita memperoleh maklumat bahawa Mahkamah Majistret yang melakukan tindakan menghukum, namun perancang tajuk berita akan memilih bentuk pasif bagi merealisasikan tajuk beritanya. Hal ini jelas memperlihatkan implikasi bahawa pelaku yang didenda kerana kesalahan yang dilakukan (enam nelayan Thai) lebih penting difokuskan berbanding dengan pelaku yang menjatuhkan hukuman (Mahkamah Majistret).

Di samping itu, kaedah pemberitaan sedemikian tidak memperlihatkan kedudukan sebenar pemberita. Sebagai pelapor yang tidak berpihak, pemberita sudah tentu mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung dalam melaporkan berita. Oleh yang demikian, pemberita tidak mungkin memulakan ayat laporan berita tersebut dengan frasa-frasa sedemikian, misalnya "Saya mendengar...", "Saya melihat...", "Saya mendapat tahu..." "Pemberita mewawancarai..." "Menurut maklumat yang pemberita peroleh..." dan sebagainya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, pemberita memilih struktur penyusunan bahasa yang lain. Struktur tersebut dimulakan dengan frasa kata nama, iaitu Mahkamah Majistret. Dengan penggunaan frasa kata nama yang merujuk kepada pihak berkuasa yang menjatuhkan hukuman tersebut, pemberita berupaya menunjukkan kesan

bahawa maklumat mengenai hukuman yang dijatuhkan kepada penderita (enam orang nelayan) adalah yang wajar dan benar. Dengan cara demikian, pemberita secara tidak langsung mewujudkan jarak pemisahan antara pemberita dengan peristiwa yang dilaporkan. Sebaliknya pula, pemberita berjaya mewujudkan hubungan yang lebih dekat antara pembaca dengan peristiwa sehingga pembaca dengan mudah menerima kebenaran laporan berkenaan. Seterusnya juga, pemberita berupaya mempertahankan jarak yang cukup jauh antara dirinya dengan maklumat atau sumber maklumat. Oleh yang demikian, sudah tentu pemberita atau pihak penerbit surat khabar berusaha memperlihatkan pihaknya sebagai pihak yang berkecuali dan bebas daripada sebarang kecenderungan berpihak. Dalam hal ini, bentuk pasif sering digunakan dalam tajuk berita untuk mewujudkan kesan pemisahan jarak tersebut. Untuk itu, pelaku sering dihilangkan melalui tajuk-tajuk berita sedemikian. Kaedah penghilangan pelaku tersebut merupakan suatu fakta yang sangat penting untuk memperlihatkan ciri-ciri khusus laras bahasa tajuk berita yang bersifat rasmi dan birokratik tersebut.

Dalam pada itu, bentuk aktif juga kerap digunakan dalam tajuk berita. Bagi memperlihatkan penggunaan bentuk aktif sebagai salah satu kaedah di dalam penulisan tajuk berita, perhatikan contoh-contoh yang dinyatakan di bawah;

- (8) Askar Israel tangkap ramai aktivis (BH, Dunia, 1 Ogos 97)
- Khmer Rouge bunuh 12 pendamai (BH, Dunia, 12 April 97)
- Pemandu lori tukar pengakuan (BH, Nasional, 30 Mei 97)
- Turki pecat 73 pegawai pro-Islam (BH, Dunia, 3 Ogos 97)

Penggunaan bentuk aktif di dalam tajuk berita yang dengan jelas menunjukkan pelakunya sebagaimana yang ditunjukkan di dalam contoh (8) di atas, dengan nyata memperlihatkan unsur pertanggungjawaban ke atas penderitanya (objek). Hal ini tidak sebagaimana yang ditunjukkan di dalam tajuk-tajuk berita berbentuk pasif seperti yang dijelaskan sebelumnya. Kewujudan pelaku dalam tajuk berita sedemikian memperlihatkan implikasi bahawa terdapat pihak tertentu yang bertanggungjawab di dalam peristiwa yang dilaporkan tersebut. Demikian juga, kedudukan pelaku dalam tajuk berita tersebut adalah sebagai subjek yang terlibat secara langsung.

Kewujudan berbagai-bagai kaedah di dalam penulisan tajuk berita seperti yang diuraikan di atas, sebenarnya merupakan hasil perbezaan persepsi atau perbezaan sudut pandangan di kalangan pemberita dalam proses memberi gambaran terhadap sesuatu peristiwa atau kejadian. Dalam hal ini, perlu diingat juga bahawa sering kali juga wujud kelainan atau perselisihan pendapat antara Dunia Pertama dan Dunia Ketiga berhubung dengan sikap dan pandangan dunia pemberita di dalam mendekati kaedah atau gaya penyampaian berita atau peristiwa. Setiap pihak tentunya akan mendekati peristiwa mengikut sudut pandangan masing-masing. Hal tersebut telah pun disentuh dalam perenggan 4.2.

Berdasarkan huraian yang telah dibuat setakat ini, pastinya kita dapat memahami sikap sebenar pemberita dengan jelas. Pada hakikatnya, pemberita tidak mungkin terlepas daripada orientasi atau arahan tertentu yang harus dipatuhi dalam dunia pemberitaan masing-masing. Dengan perkataan lain, pemberita sama sekali tidak bebas daripada suatu sudut pandangan yang tertentu. Bagaimanapun, mereka tetap mengatakan bahawa laporan-laporan berita yang mereka sampaikan adalah benar dan tepat. Sekalipun penampilan tajuk-tajuk berita di dalam surat khabar

sering kali memperlihatkan unsur yang tidak munasabah, tidak logik atau melampau, namun mereka akan bertanggungjawab terhadap kandungan berita yang dilaporkan. Hal ini kerana perancangan terhadap tajuk berita adalah di luar kawalan mereka. Ini kerana tajuk-tajuk berita boleh ditampilkan dalam berbagai-bagai ragam atau bentuk.

Berhubung dengan perkara di atas, dapat kita fahami bahawa terdapat berbagai-bagai kaedah atau gaya di dalam menyampaikan tajuk berita di dalam surat khabar. Pelbagai kelainan tersebut dapatlah dianggap sebagai laras pemberitaan di dalam penulisan bahasa media, khususnya perancangan tajuk-tajuk berita dalam surat khabar.

Bahasa laporan berita tidak hanya berhenti dalam sifatnya yang menilai, tetapi sekali gus bertindak. Dengan membaca dan sekali gus mengambil sukatuan penilaian yang dilontarkannya, kita menjadi lebih sensitif terhadap berbagai-bagai masalah dalam masyarakat, misalnya faham perkauman, diskriminasi, kemiskinan, ketidakadilan, ketidakmerataan, dan sebagainya. Dalam konteks pandangan ini, teks laporan berita harus dipertimbangkan posisinya yang berada di sebalik ideologi, politik, ekonomi, dan sejarah tertentu. Teks laporan media pada masa ini cenderung menjadi teks lintas-budaya. Dalam hal ini, pemberita berfungsi sebagai pengantar unsur-unsur budaya.

Jika difahami bahawa berbagai-bagai sudut pandangan dapat digunakan dalam penggunaan bahasa, maka dengan sendirinya dapat difahami pula bahawa wujud berbagai-bagai laras dalam pemberitaan, khususnya dalam perancangan tajuk berita. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa andaian untuk wujud hanya satu sudut pandangan yang munasabah dalam pemberitaan dapat difahami sebagai anggapan yang terlalu ideal. Oleh sebab itu, sewajarnyalah selalu timbul persengketaan pendapat tentang sesuatu sikap pemberitaan seperti yang tersebut di atas.

#### 4.4 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan beberapa aspek khusus serta contoh yang relevan berhubung penggunaan metafora dalam surat khabar bagi menjelaskan lagi pemahaman berkenaan dengan retorik bahasa tajuk berita. Melaluiuraian yang berkaitan dengan metafora, pengkaji berusaha menjelaskan pendekatan yang membolehkan pembaca mentafsir serta memahami lambang-lambang linguistik dalam tajuk-tajuk berita surat khabar. Dalam hal ini dipaparkan pendapat bahawa metafora sebenarnya mempengaruhi sistem konsepsi atau tanggapan di dalam bahasa dan budaya. Berdasarkan analisis terhadap struktur dan metafora statik, kajian juga mendapati bahawa tajuk-tajuk berita surat khabar dapat dianggap sebagai model-model budaya dalam memahami persepsi tentang sistem bahasa dan budaya pembaca.